



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-37**

**LAPORAN PEMANTAUAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN DAN AUDIT BADAN
PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS), SISTEM PENGURUSAN
KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) DAN SISTEM PENGURUSAN ALAM
SEKITAR (EMS) TAHUN 2017**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM mengenai Pemantauan Penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Tahun 2017.

Latar Belakang

2. Berdasarkan keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 klausa 9.2, standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.2 dan standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004 klausa 4.5.5 menyatakan UPM hendaklah mengendalikan audit dalaman pada waktu yang terancang bagi memastikan keperluan standard dipatuhi.

3. Manakala audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan pada setiap tahun untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi ketiga-tiga sistem pengurusan yang tersebut dengan nombor pensijilan AR2020 (QMS), AR 5761 (ISMS) dan ER0909 (EMS).

4. Pada tahun 2017, Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan di UPM telah dilaksanakan pada tarikh sebagaimana **Jadual 1**.

Jadual 1: Tarikh Pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

Audit	Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015	Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013	Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004
1. Audit Dalaman	10 - 14, 17 - 20 Julai 2017	5 - 8 Jun 2017	13 - 16 Jun 2017
2. Audit Badan Pensijilan SIRIM	11 - 15, 18 - 22 dan 25 - 26 September 2017	6 September dan 2 - 3 Oktober 2017	9 - 11 Oktober 2017

Status Pemantauan Penemuan Audit

5. Hasil daripada audit dalaman dan audit badan pensijilan yang telah dijalankan beberapa Laporan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit dalaman telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman ISO masing-masing semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman ISMS dan EMS pada 22 Jun 2017 dan Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman QMS pada 27 Julai 2017. Manakala, penemuan audit badan pensijilan telah dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Badan Pensijilan semasa Mesyuarat Penutupan Audit Pemantauan Semakan 2 QMS pada 26 September 2017, Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS pada 3 Oktober 2017, dan Audit Pensijilan Semula EMS pada 11 Oktober 2017.

6. Pemantauan bagi tindakan penutupan penemuan audit dibuat secara berkala oleh pihak Urus Setia melalui notifikasi emel dan pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang menjadi agenda mesyuarat. Status penutupan keseluruhan audit dalaman QMS, ISMS dan EMS boleh dirujuk dalam portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) di bawah pautan Audit Dalaman. Manakala, ringkasan penemuan audit badan pensijilan dapat ditunjukkan dalam **Jadual 2** dan lampiran berkaitan.

Jadual 2: Ringkasan Penemuan Audit Badan Pensijilan tahun 2017

ISO	NCR	OFI	Status
QMS	3	25	Perincian Penemuan Audit QMS dan status maklum balas sebagaimana Lampiran 1
ISMS	0	8	Perincian Penemuan Audit ISMS dan status maklum balas sebagaimana Lampiran 2
EMS	0	5	Perincian Penemuan Audit EMS dan status maklum balas sebagaimana Lampiran 3

7. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-30 telah melaporkan berkenaan isu/penemuan berulang yang didapati semasa audit badan pensijilan bagi tempoh 2014 hingga 2016 iaitu yang melibatkan isu berikut:

- (a) Rekod fail kursus pengajaran;
- (b) Penentukuran peralatan penyelidikan;
- (c) Projek penyelidikan;
- (d) Aduan pelanggan; dan
- (e) Kawalan harta pelanggan berkaitan salinan kad pengenalan

8. Berdasarkan daripada penemuan audit pemantauan Semakan 2 pada tahun 2017 mendapati adalah 3 (tiga) isu/penemuan yang masih berulang iaitu penentukuran peralatan, projek penyelidikan, dan aduan pelanggan.

Syor

9. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM, Universiti Putra Malaysia dimohon melaksanakan perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian mengenai status penutupan penemuan audit dalaman QMS, ISMS dan EMS tahun 2017 dan meminta mengambil tindakan penutupan mengikut tempoh cadangan penutupan yang telah dinyatakan bagi setiap penemuan dalam portalCQA;

- (b) mengambil perhatian status maklum balas penemuan audit badan pensijilan QMS, ISMS dan EMS tahun 2017 dan meminta mengambil tindakan dan memajukan bukti tindakan ke Pusat Jaminan Kualiti selewat-lewatnya pada 21 Disember 2017 bagi NCR termasuk OFI bersyarat dan dalam tempoh sebulan sebelum audit badan pensijilan akan datang bagi OFI.
- (c) mengambil perhatian isu/penemuan yang dijumpai di PTJ yang dilaporkan dan meminta tindakan pencegahan diambil oleh semua PTJ lain bagi memastikan isu/penemuan yang sama tidak berulang.

**STATUS PEMANTAUAN LAPORAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2,
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001:2015
(Maklumat dikemaskini pada 13/12/2017 jam 4.00 petang)**

Bilangan Penemuan Audit:

Laporan Ketakakuran (NCR) = **3**, Peluang Penambahbaikan (OFI) = **25**

Nota: Perincian laporan boleh rujuk Laporan Penemuan Audit SIRIM

No. Penemuan	Klausa dan penemuan	Nama Juruaudit	Sampel Audit	Tindakan PTJ Terlibat	Status Tindakan
NCR - 1 (PD-1)	<p>7.1.5 Pemantauan dan pengukuran sumber</p> <p><u>Penemuan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Organisasi tidak menjalankan penyelenggaraan berkala dengan berkesan samaada patuh dengan keperluan standard dan keperluan organisasi. 2. Organisasi tidak menjalankan kalibrasi kebuk wasap yang digunakan untuk proses penyelidikan/pengajaran <p><u>Bukti Penemuan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Fakulti Pertanian – Ladang 10 Tiada road tax dan insuran bagi Kenderaan (No PlateTraktor – BGM 2689, BGM 5470, WJE 5215, BJQ 2475) yang digunakan untuk pengajaran & penyelidikan. Rekod senarai semak kenderaan & jentera SOK/PYG/SS01 hanya direkodkan sehingga bulan April 2017 2. Fakulti Sains Makmal Kimia Polimer 2 – Kebuk Wasap - kalibrasi terakhir 4/8/2010 Makmal Persediaan Pusat – Kebuk Wasap - Kalibrasi terakhir 17/9/2016 	Parimala Dewi Ganesan	<ol style="list-style-type: none"> i. Fakulti Pertanian ii. Fakulti Sains 	<ol style="list-style-type: none"> i. Fakulti Pertanian ii. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 	Pelan tindakan NCR telah dipersetujui oleh KJAD SIRIM bertarikh 25/10/2017 manakala bukti tindakan pembetulan akan dihantar pada 22/12/2017

Lampiran 1

No. Penemuan	Klausa dan penemuan	Nama Juruaudit	Sampel Audit	Tindakan PTJ Terlibat	Status Tindakan																									
NCR – 2 (PD-2)	8.5.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan <u>Penemuan:</u> Organisasi gagal memastikan penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir adalah berdasarkan Prosedur UPM/PU/PS/P008 dimana Kertas soalan yang telah dimoderasi tidak disahkan oleh moderator (sekiranya ada pindaan) dan juga Ketua Jabatan <u>Bukti Penemuan:</u> Fakulti Pertanian - Jabatan Sains Tanaman Kesemua kertas soalan peperiksaan akhir sem 2 2016/2017 Contoh: Code Subjek - AGR 3501, AGR 3002, HRT 4601 rujuk Senarai semak penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir PU/PS/SS01/PEP	Parimala Dewi Ganesan	Fakulti Pertanian	Fakulti Pertanian	Pelan tindakan NCR telah dipersetujui oleh KJAD SIRIM bertarikh 25/10/2017 manakala bukti tindakan pembetulan akan dihantar pada 22/12/2017																									
NCR - 3 (DMM-1)	8.5.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan <u>Penemuan 1:</u> Pemantauan proses pelaksanaan pengajaran seperti yang ditetapkan dalam klausa 6.7, UPM/PU/PS/P007 tidak dapat disahkan semasa audit <u>Bukti Penemuan 1:</u> <table border="1" data-bbox="412 991 1234 1310"> <thead> <tr> <th></th> <th>Fakulti</th> <th>ID Pensyarah</th> <th>Kursus</th> <th>Semester</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kejuruteraan</td> <td>Dr Armallah Mustafa</td> <td>EEE3104</td> <td>Sem.2 /Sesi 2016/2017</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kejuruteraan</td> <td>Dr Chia Chen Chiang</td> <td>EAS 3425</td> <td>Sem.2 /Sesi 2016/2017</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>CALC</td> <td>Bazilah Bahaldin/PSCALC 57</td> <td>BBI 2423</td> <td>Sem.2 /Sesi 2016/2017</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>CALC</td> <td>Pn Ooi Bee Lee/A02215</td> <td>BBC 2402</td> <td>Sem.2 /Sesi 2016/2017</td> </tr> </tbody> </table>		Fakulti	ID Pensyarah	Kursus	Semester	1.	Kejuruteraan	Dr Armallah Mustafa	EEE3104	Sem.2 /Sesi 2016/2017	2.	Kejuruteraan	Dr Chia Chen Chiang	EAS 3425	Sem.2 /Sesi 2016/2017	3.	CALC	Bazilah Bahaldin/PSCALC 57	BBI 2423	Sem.2 /Sesi 2016/2017	4.	CALC	Pn Ooi Bee Lee/A02215	BBC 2402	Sem.2 /Sesi 2016/2017	Dr. Montaj Mustakim	i. Fakulti Kejuruteraan ii. Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)	i. Fakulti Kejuruteraan ii. Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)	Pelan tindakan NCR telah dipersetujui oleh KJAD SIRIM bertarikh 25/10/2017 manakala bukti tindakan pembetulan akan dihantar pada 22/12/2017
	Fakulti	ID Pensyarah	Kursus	Semester																										
1.	Kejuruteraan	Dr Armallah Mustafa	EEE3104	Sem.2 /Sesi 2016/2017																										
2.	Kejuruteraan	Dr Chia Chen Chiang	EAS 3425	Sem.2 /Sesi 2016/2017																										
3.	CALC	Bazilah Bahaldin/PSCALC 57	BBI 2423	Sem.2 /Sesi 2016/2017																										
4.	CALC	Pn Ooi Bee Lee/A02215	BBC 2402	Sem.2 /Sesi 2016/2017																										

Lampiran 1

No. Penemuan	Klausa dan penemuan	Nama Juruaudit	Sampel Audit	Tindakan PTJ Terlibat	Status Tindakan						
	<p><u>Penemuan 2:</u> Kaedah penilaian kursus telah dikenal pasti dalam Matrik Hasil Pembelajaran Kursus [CLO]. Namun begitu, hasil pencapaian kursus iaitu <i>Course Learning Outcome Analysis</i> berdasarkan Matrik Hasil Pembelajaran Kursus tidak dapat disahkan</p> <p><u>Bukti Penemuan 2:</u></p> <table border="1" data-bbox="443 512 1205 587"><thead><tr><th>Fakulti</th><th>Kursus</th><th>Semester</th></tr></thead><tbody><tr><td>CALC</td><td>BBI 2423</td><td>Sem.2 Sesi 2016/2017</td></tr></tbody></table>	Fakulti	Kursus	Semester	CALC	BBI 2423	Sem.2 Sesi 2016/2017		Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik	Pelan tindakan NCR telah dipersetujui oleh KJAD SIRIM bertarikh 25/10/2017 manakala bukti tindakan pembedaan akan dihantar pada 22/12/2017
Fakulti	Kursus	Semester									
CALC	BBI 2423	Sem.2 Sesi 2016/2017									

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-1 * Nota: * OFI bersyarat	6.1	a. UPM belum mengaitkan lagi isu dalaman serta isu luaran yang telah dikenalpasti dan keperluan pihak yang berkepentingan untuk mengenalpasti risiko. Kaedah yang digunakan sekarang adalah dengan mengenalpasti risiko dari prosedur yang didokumenkan oleh PTJ sahaja, dan terdapat PTJ yang belum mempunyai prosedur yang didokumenkan. Ini menyebabkan pengenalpastian risiko adalah tidak menyeluruh berdasarkan kepada fungsi PTJ, isu dalaman serta luaran dan keperluan pihak yang berkepentingan terhadap PTJ tersebut. b. UPM belum lagi mengenalpasti keperluan peluang dengan secara terperinci, serta tindakan pelaksanaan terhadap peluang tersebut. c. UPM belum menilai secara keseluruhan keberkesanan tindakan yang diambil terhadap risiko serta peluang.	Pusat Jaminan Kualiti	Semua PTJ	Dalam proses tindakan dan bukti tindakan akan dihantar ke SIRIM pada 22/12/2017 (3 Sampel PTJ iaitu WAZAN, PKU dan FEM)

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-2	8.4.2	<p>a. Ketika audit dijalankan terhadap pemantauan kawalan keselamatan yang disediakan oleh PJSD di Kolej Serumpun, didapati tiada dokumen yang menunjukkan bahawa pengawal keselamatan yang ditugaskan, telah melalui tapisan keselamatan oleh samada KDN atau PDRM. Perjanjian di antara PJSD dengan syarikat kawalan keselamatan tidak menyatakan had umur pengawal keselamatan yang dilantik. Audit mendapati terdapat pengawal keselamatan yang berumur 69 tahun dan 64 tahun. Di dalam perjanjian di antara PJSD dengan syarikat kawalan keselamatan, tidak dinyatakan keperluan untuk pengawal keselamatan menjalani pemeriksaan kesihatan apabila melepasi tahap umur tertentu, untuk memastikan tahap kecergasan badan untuk melakukan tugas.</p> <p>b. Pihak pengurusan kolej telah melaksanakan pemantauan terhadap Kafeteria Serumpun melalui Borang Pemantauan Premis Makanan. Ketika audit dijalankan, didapati belum terdapat tindakan yang diambil terhadap operator pengendali makanan yang tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan BHEP seperti suntikan typhoid dan pemakaian penutup kepala, apron & kasut. Di dalam perjanjian dengan UPM Holdings juga, perkara yang perlu dipatuhi oleh operator pengendali makanan, tidak dinyatakan dengan jelas.</p>	Kolej 16	<p>i. Kolej Serumpun lain (Kolej 12, 14 & 15)</p> <p>ii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar</p> <p>iii. Pejabat Bursar</p>	Maklumbalas diterima daripada Kolej bertarikh 6/12/2017
OFI-3	4.1	<p>a. Pusat Sains Marin telah mengenalpasti isu dalaman dan luaran, namun terdapat isu yang boleh diambil kira seperti bencana alam dan keselamatan daripada orang awam maupun pendedag asing.</p>	i. Pusat Sains Marin	Pusat Jaminan Kualiti	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
		b. Kampus Bintulu telah mengenalpasti isu dalaman dan luaran, namun terdapat isu yang boleh diambil kira seperti masalah disiplin pelajar, kesedaran kakitangan tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan, lokasi dan capaian internet.	ii. Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Bintulu	Pusat Jaminan Kualiti	Maklum balas diterima daripada upm Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-4	7.1.3	a. Pusat Sains Marin mempunyai peralatan yang sesuai bagi penyelidikan namun terdapat peralatan yang rosak dan dalam proses pembaikan seperti Humidity Chamber dan Bot. b. Senarai aset dibangunkan namun terdapat aset yang tiada dalam senarai.	Pusat Sains Marin	-	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017
OFI-5	7.1.4	Suasana & kekemasan tempat kerja perlu ditingkatkan bagi mengelak kejadian tidak diingini, boleh ditingkatkan dengan pelaksanaan HIRADC di tempat kerja	Pusat Sains Marin	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017
OFI-6	7.1.5.2	Pusat Sains Marin telah membangunkan senarai peralatan yang perlu dikalibrasikan hasil daripada laporan audit dalaman 2017, namun termometer bagi pemantauan suhu air di Harchery masih tidak disenaraikan. Rujuk bahan rujukan Pembersihan Udang Galah, Idris Ahmad, Jabatan Perikanan Malaysia, 2014	Pusat Sains Marin	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017
OFI-7	8.5.1	(a) Prosedur Pengurusan Pembersihan Udang Galah i. Bacaan parameter di ambil bagi memastikan kualiti air seperti NH3, Klorin, suhu dsbnya, namun tidak direkodkan dengan berkala. ii. Penggunaan oxygen tank dipantau namun tiada rekod penggunaan bagi memastikan tahap oxygen	i. Pusat Sains Marin	-	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
		(b) Program siswazah-pembentukan dan pembangunan program Semakan ke atas kurikulum perlu dilaksanakan mengikut tempoh semakan yang ditetapkan semasa kelulusan program. Pihak fakulti telah melaksanakan semakan untuk 6 program dan dalam proses kelulusan di Lembaga Pengarah Universiti, namun terdapat program yang sudah melampaui tempoh semakan yang sepatutnya	ii. Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Bintulu	Sekolah Pengajian Siswazah	Maklum balas diterima daripada upm Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-8	10.2	Analisa untuk Graduate on Time (GOT), bagi PhD & Master telah dilakukan, didapati pencapaian adalah 0% GOT untuk Master manakalan PhD adalah 57.1%. Ini menunjukkan pencapaian bagi master adalah tidak tercapai, pihak fakulti masih tidak menganalisa punca ketidakcapaian KPI dan tindakan pembedahan yang perlu di ambil.	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Bintulu	Sekolah Pengajian Siswazah	Maklum balas diterima daripada upm Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-9	4.4	Proses proses berkaitan dengan penyelidikan didokumen secara "stand alone" dalam prosedur prosedur tertentu. Namun begitu adalah disarankan pemetaan keseluruhan proses penyelidikan diwujudkan bermula dari proses permohonan hingga graduat	PTJ yang diaudit berkaitan skop Penyelidikan	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017
OFI-10	7.1.3	Pelaksanaan aktiviti penyelenggaraan oleh pihak kontrakator dilaksanakan seperti yang dirancang. Namun begitu kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan khusus nya lokasi, peralatan yang diselenggara dan rekod rekod berkaitan boleh dibuktikan dalam laporan penyelenggaraan	Kolej 5	-	Maklum balas diterima daripada Kolej bertarikh 6/12/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-11	7.1.4	Untuk mencegah sebarang kemalangan berlaku, organisasi perlu memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat supaya ia tidak mengundang risiko kepada anggota kerja dengan memastikan bahan yang mudah bakar khususnya highly flammable material tidak disimpan berdekatan oven dan disamping itu menyediakan kipas ventilation yang mencukupi	Fakulti Pengajian Alam Sekitar	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan	Maklum balas diterima daripada FPAS bertarikh 6/12/2017
OFI-12	7.5.3	Untuk memudahkan proses pendapatan semula (retrieval) rekod pelajar siswazah sama ada yang berkaitan dengan fakulti atau sekolah pengajian siswazah, adalah disyorkan rekod rekod ini disimpan dan diselenggara dalam satu folder atau fail.	PTJ yang diaudit berkaitan skop Siswazah	Sekolah Pengajian Siswazah	[Belum terima]
OFI-13	8.5.1	i. Kehadiran pelajar dipantau melalui borang kehadiran sepanjang tempoh kuliah dan amali. Dimana maklumat ini tidak dimasukkan dalam SMP adalah disarankan peratus kehadiran pelajar sepanjang tempoh kursus direkodkan dalam borang berkenaan	Fakulti Kejuruteraan	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik	Maklum balas diterima pada 3/10/2017 (B.AKAD) dan 6/12/2017 (FK)
		ii. Penilaian prestasi projek dilaksanakan berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan ia itu pencapaian pambantuan, status perbelanjaan dan output. Namun begitu pencapaian objektif penyelidikan seperti yang dinyatakan dalam cadangan projek [project proposal] boleh dibuktikan. Keperluan ini juga perlu ditetapkan sebagai salah satu keperluan dalam garis panduan PU/PY/GP16/PTJ.	Institut Biosains	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCCI bertarikh 8/11/2017
		iii. Larangan merokok telah ditetapkan dibawah klausa 42 Arahan Tetap Kolej Kediaman Pelajar UPM 2015. Penguatkuasaan dan keberkesanan larangan ini perlu dipantau kerana terdapat pelajar pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini	Kolej 5 dan Kolej 15	Pejabat Pendaftar	Maklum balas diterima daripada Kolej bertarikh 6/12/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-14	10.2	Pengesahan aduan yang diterima daripada pengadu dan pemakluman hasil siasatan aduan termasuk tindakan yang diambil dan analisis aduan dan tindakan penambahbaikan boleh dibuktikan	Pusat Antarabangsa	-	Maklum balas diterima daripada Pusat Antarabangsa bertarikh 12/12/2017
OFI-15	7.1.3	Lawatan ke beberapa lokasi mendapati kebanyakan infrastruktur dan peralatan dalam keadaan memuaskan namun penambahbaikan boleh diterapkan kepada Rumah Pemprosesan Unggas seperti ulasan berikut: a. Tiada bukti jelas menunjukkan kawalan makhluk perosak (<i>pest control</i>) telah dilakukan secara berkala b. Keadaan peralatan seperti pisau tidak disusun dengan baik dan alatan kebersihan seperti sarung tangan tiada di tempat yang disediakan.	Bahagian Taman Pertanian Universiti, UPM Kampus Bintulu	-	Maklum balas diterima daripada UPM Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-16	8.2.1	Merujuk kepada aktiviti pengurusan kolej kediaman, ianya menunjukkan komitmen dari pihak UPM dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dapat dibuktikan. Namun, penambahbaikan ke atas aduan pelajar boleh ditambahbaik memandangkan terdapat beberapa aduan yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak pengurusan kolej, lewat dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan. Merujuk kepada beberapa aduan yang dipanjangkan kepada Bahagian Pembangunan, kesemua aduan telah diselesaikan dengan baik tetapi pengesahan oleh pihak pengadu setelah siap kerja pembaikan tidak dinyatakan dengan jelas	Kolej Sri Rajang, UPM Kampus Bintulu	-	Maklum balas diterima daripada upm Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-17	8.5.1	<p>Semasa lawatan ke Kolej Kediaman Sri Rajang, audit mendapati beberapa senarai inventori yang dipaparkan tidak konsisten dengan jumlah perabot yang dibekalkan.</p> <p>Semasa inventori ke atas perabot kolej dijalankan, maklumat yang diperolehi tidak direkodkan dengan jelas, e.g. 2 katil tiada, dan tindakan susulan tidak dinyatakan dengan jelas</p>	Kolej Sri Rajang, UPM Kampus Bintulu	-	Maklum balas diterima daripada upm Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-18	8.5.1	<p>(a) Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan Perkhidmatan ini boleh dipertingkatkan lagi dengan adanya tindakan susulan bagi setiap laporan "<i>Medical Surveillance</i>" yang telah dihantar kepada Pengarah Fakulti berkitan. Ini adalah untuk memastikan setiap tindakan yang disyorkan dalam laporan tersebut dilaksanakan dan dapatkan maklumbalas status tindakan. Dengan adanya laporan status, Pihak Perkhidmatan kesihatan Pekerjaan boleh menentukan isu tersebut boleh ditutupkan atau masih perlu dipantau.</p> <p>(b) Perkhidmatan Kesihatan Awam Pemantauan terhadap laporan setiap premis makanan boleh dimantapkan dari segi memastikan tindakan susulan dibuat dalam tempoh yang bersesuaian dengan impak ketidakakuran yang dikenalpasti/dilapor bagi memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera dan ketidakakuran tidak berterusan</p> <p>(c) Perkhidmatan Pergigian Catatan dalam Buku Temujanji boleh dipertingkatkan dari segi adanya catatan pergerakan pesakit/pindaan pesakit ke doktor yang lain supaya hitungan beban kerja adalah lebih tepat</p>	Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017
			Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017
			Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
		(d) Perkhidmatan Perubatan Sukan Catatan butiran pengurusan rawatan kepada pesakit boleh dimantapkan dari segi memastikan penemuan penilaian, target pelan tindakan jangka pendek dan panjang direkodkan supaya penilaian keberkesanan rawatan boleh dibuat dengan tepat	Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017
OFI-19	8.5.4	Perkhidmatan Makmal Cara penyimpanan spesimen dalam peti sejuk boleh dipertingkatkan dengan adanya label yang ketara dengan tarikh penyimpanannya supaya mengelak tersilap spesimen dibuang sebelum sampai tempoh masanya	Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017
OFI-20	7.2	Semua Perkhidmatan Pengetahuan staf berkaitan dengan (i) Peranan dan tanggungjawab mereka sewaktu penyelenggaraan peralatan medikal boleh dimantapkan dari segi memastikan laporan kalibrasi dengan pihak vendor adalah lengkap contohnya alat ujian yang digunakan dinyatakan dan sijil kemudahan alat ujian dilampirkan bagi tujuan pengesahan (ii) Penentuan 'setting alarm' tahap suhu minima dan maksima peti sejuk obatan/reagen (iii) Pengenalpastian risiko spesifik bagi perkhidmatan	Pusat Kesihatan Universiti	-	Maklum balas diterima daripada PKU bertarikh 9/11/2017
OFI-21	7.1.2	Modal insan yang diperlukan telah dikenalpasti selaras dengan keperluan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti. Namun begitu, perhatian boleh diberikan terhadap keperluan pertambahan modal insan bagi proses-proses yang memberikan impak signifikan terhadap keberkesanan operasi dan kawalan prosesnya.	Bahagian Keselamatan	Pejabat Pendaftar	[Belum terima]

Lampiran 1

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-22	5.1.2	Organisasi telah membangunkan kumpulan soalan lazim (FAQ) sebagai satu usaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan. Lanjutan itu, koleksi soalan lazim ini boleh ditambah baik dengan mengambil kira input-input dari PTJ lain dan dikongsikan di medium yang mudah dicapai pada semua peringkat.	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi	-	[Belum terima]
OFI-23	8.4.3	Kontrak perjanjian antara organisasi dan penyedia luar telah dibangun dan dikomunikasikan. Perincian keperluan di dalam kontrak sedia ada boleh diperhalusi bagi memastikan kecukupan keperluan agar penyedia luar dapat memenuhi kehendak organisasi.	Kolej Mohamad Rashid	Pejabat Bursar	Maklum balas diterima daripada KMR bertarikh 29/11/2017
OFI-24	8.5.1	(a) Proses pengesahan assessment plan (<i>coursework/final % break down</i>) yang dirancang oleh pensyarah kurang jelas dimana kini <i>coursework/final % break down</i> yang ditetapkan dalam sistem SMP tidak melalui pengesahan Ketua Jabatan Contoh: Fakulti Pertanian Syllabus AGR 3002 – <i>course work- 80% Final 20% %</i> dalam sistem – <i>course work- 70% Final 30%</i>	Fakulti Pertanian	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik	Maklum balas diterima daripada FP bertarikh 13/12/2017
		(b) Proses kemasukan markah dan pengesahan markah boleh dimantapkan lagi supaya <i>final marks</i> dalam sistem tidak berbeza dengan <i>raw marks</i> .			Maklum balas diterima daripada FP bertarikh 13/12/2017
OFI-25	8.5.4	Tempat penyimpanan sample penyelidikan yang sesuai boleh dikenalpasti agar sample tidak mudah tercemar Contoh: Makmal kimia Polimer 2 Sample pelajar berlabel TIO-850c & Fiber com stover >300µm telah dijumpai dalam kabinet bahan kimia berbahaya	Fakulti Sains	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	Maklum balas diterima daripada Pejabat TNCPI bertarikh 8/11/2017

**RINGKASAN LAPORAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2,
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2017
(Maklumat dikemaskini pada 13/12/2017 jam 4.00 petang)**

Bilangan Penemuan Audit:

Laporan Ketakakuran (NCR) = **0**, Peluang Penambahbaikan (OFI) = **8**

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Juruaudit	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-1	6.1.3	Penguraian risiko keselamatan maklumat Apabila merancang dan menentukan risiko, organisasi boleh menyemak kembali kawalan-kawalan yang di pilih. Di lihat bagi cadangan kawalan rawatan (treatment plan) ia merupakan kawalan-kawalan sedia ada. Ianya bukan kawalan-kawalan baru atau kawalan tambahan yang perlu di wujudkan bagi mengurangkan risiko. (rujuk : Risk Treatment – IDEC)	Efizan Zamri	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Peneraju ISMS Lain	Maklum balas diterima daripada IDEC bertarikh 9/11/2017

Lampiran 2

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Juruaudit	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-2	8.1	<p>Perancangan dan Kawalan Operasi</p> <p>A.9.4.3 Sistem Pengurusan Kata Laluan Akses kata laluan ke pelayan (server) bagi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) seperti server DRSMPPDB, DRSMPPAAP dan DRPWWEB, tidak dapat menunjukkan bahawa kesemua pelayan patuh kepada GKPTMK (Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi). Walau bagaimanapun kerana kekangan sistem organisasi sudah bercadang melaksanakan UPM ID bagi menurunkan risiko kepada kawalan ke atas pengurusan kata laluan ini. Pelaksanaan ke atas kawalan ini masih dalam perancangan.</p>	Efizan Zamri	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	-	Maklum balas diterima daripada IDEC bertarikh 9/11/2017
OFI-3	8.1	<p>Perancangan dan Kawalan Operasi</p> <p>A.11.2.2 Utiliti sokongan Semasa lawatan ke Pusat Pemulihan Bencana Epsilon, terdapat sebuah bilik yang menempatkan bateri UPS adalah agak panas, terdapat beberapa penghawa dingin yang ditempatkan di situ ,walau bagaimanapun masih tidak dapat menampung suhu bilik tersebut. Organisasi boleh melihat kembali dari segi pengurusan kapasiti ianya adalah memastikan bateri tersebut boleh bertahan lebih lama juga dari mengelakkan terdedah dengan suhu bilik yang tidak sesuai.</p>	Efizan Zamri	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	-	Maklum balas diterima daripada IDEC bertarikh 9/11/2017

Lampiran 2

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Juruaudit	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-4	8.1	<p>Perancangan dan Kawalan Operasi A.18.1.3 Perlindungan rekod 1. Kawalan terhadap rekod kesihatan (Filem X-ray) bagi pelajar-pelajar perlu ditambah baik, didapati rekod kesihatan (Filem X-ray) disimpan di dalam almari yang tidak berkunci di dalam ward sementara.</p>	Sazlin Alias	Klinik Satelit, UPM Kampus Bintulu	-	Maklum balas diterima daripada UPM Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
		<p>2. Pelaksanaan semakan terhadap dokumen lengkap yang diperlukan di Klinik Satelit perlu ditambah baik. Semakan rekod seharusnya direkodkan oleh PTJ yang berkenaan bukannya kepada Pembantu Perubatan. Namun pengesahan rekod-rekod tersebut dibuat oleh Pembantu Perubatan.</p>	Sazlin Alias	Klinik Satelit, Kampus Bintulu	-	Maklum balas diterima daripada UPM Kampus Bintulu bertarikh 8/12/2017
OFI-5	7.2 (d)	<p>Kompetensi Latihan kepada Juruaudit Dalaman ISMS telah dilaksanakan pada 21 – 22 Feb. 2017. Kehadiran bagi peserta perlu selaras dengan Rekod kehadiran didalam Sistem Pengurusan Latihan (SPL). Dengan itu, sijil hanya diberikan kepada peserta yang hadir penuh sahaja.</p>	Sazlin Alias	Pusat Jaminan Kualiti	1. Pejabat Pendaftar 2. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	Maklum balas diterima daripada IDEC bertarikh 9/11/2017

Lampiran 2

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Juruaudit	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-6	9.1	<p>Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian</p> <p>Didapati, Objektif ISMS telah dikenalpasti bagi mengukur peratusan pembayaran yuran pengajian secara atas talian dengan sasaran 80%. Sasaran yang ditetapkan perlu mengambil kira peratusan yang dikenalpasti di dalam penilaian risiko iaitu 100%.</p> <p>Risiko terhadap perkhidmatan atas talian tidak dikenalpasti semasa penilaian risiko bagi Pejabat Bursar</p>	Sazlin Alias	Pusat Jaminan Kualiti	Pejabat Bursar	Maklum balas diterima daripada TWP ISMS dan Pejabat Bursar bertarikh 8/12/2017
OFI-7	8.1 A.9.4.3	<p>Perancangan dan Kawalan Operasi Sistem Pengurusan Kata Laluan</p> <p>Panjang kata laluan bagi sistem e-IHRAMS perlu ditambah baik bagi memenuhi GPKTMK (Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi). Pengguna di Jabatan Pendaftar</p>	Sazlin Alias	Pejabat Pendaftar	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	Maklum balas diterima daripada IDEC bertarikh 9/11/2017

Lampiran 2

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Juruaudit	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Status Penerimaan maklum balas
OFI-8	A.18.1.3	<p>Perlindungan rekod Sistem Maklumat Pelajar (E-Daftar) digunakan untuk pelajar membuat semakan tawaran kemasukan ke UPM. Walau bagaimanapun, paparan Pengesahan Penerimaan Tawaran (Menerima/Menolak) boleh ditambah baik apabila data yang telah dikemaskini tidak dipaparkan dengan sewajarnya.</p> <p>Modul Pengurusan Pra Pendaftaran digunakan oleh pentadbir sistem untuk membuat kemaskini ke atas Pengesahan Penerimaan Tawaran pelajar. Modul ini boleh ditambah baik dengan adanya tarikh untuk menjejak sebarang kerja-kerja kemaskini.</p>	Hidayatini Sarmin	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	Maklum balas diterima daripada B.AKAD bertarikh 4/10/2017

**RINGKASAN LAPORAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2,
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) ISO 14001:2004 TAHUN 2017
(Maklumat dikemaskini pada 13/12/2017 jam 4.00 petang)**

Bilangan Penemuan Audit:

Laporan Ketakakuran (NCR) = 0, Peluang Penambahbaikan (OFI) = 5

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Status Penerimaan maklum balas
OFI-1	4.4.2	<p>Competence, training and awareness</p> <p>1) Isu ketiadaan Orang Berwibawa (Competent Person) telah dikenalpasti sebagai salah satu ketidakpatuhan dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar melalui penilaian pematuhan undang-undang yang dilaksanakan oleh JKPK. Pihak UPM telah pun membentangkan isu ini di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.</p> <p>2) Pelaksanaan latihan berkaitan dengan undang-undang alam sekitar i.e. EQ (Clean Air) Reg. 2014, EQ (Scheduled Wastes) Reg. 2005, EQ (Sewage) Reg. 2009; yang terpakai di UPM perlu ditambah-baik. Selain daripada pendedahan kepada PTJ and PYB, juruaudit dalaman juga perlu mempunyai pengetahuan yang menyeluruh untuk menambah keberkesanan aktiviti audit dalaman</p>	Pejabat Pendaftar	[Belum terima]
OFI-2	4.4.6	<p>Operational Control</p> <p>1) Ladang Puchong (Taman Pertanian Universiti) Sebahagian penapis air keluar dari Kolam Ikan Ladang Puchong tidak berfungsi semasa lawatan audit dilaksanakan.</p>	Taman Pertanian Universiti (TPU)	Maklum balas diterima daripada TPU bertarikh 31/10/2017

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Status Penerimaan maklum balas
		2) PPKKP Pemantauan untuk penstoran and pelabelan bagi 'e-waste' di Stor Utama perlu lebih kemas dan teratur.	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)	[Belum terima]
OFI-3	4.4.7	Emergency, preparedness and response Prosedur kesediaan kecemasan dan tindak balas yang telah dikenal pasti masih boleh ditambah baik dengan mengemaskini situasi kecemasan antaranya tumpahan minyak dan kebakaran. Prosedur sedia ada hanya mengenal pasti situasi pencemaran secara umum	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)	[Belum terima]
OFI-4	4.5.2	Evaluation of compliance Walaupun penilaian pematuhan terhadap keperluan perundangan telah dilaksanakan bagi tempoh 2016, perancangan yang lebih baik diperlukan untuk memastikan kesemua undang-undang yang disenaraikan di dalam Daftar Undang-Undang dan Keperluan Lain yang Berkaitan dapat ditentukan status pematuhannya setiap tahun, dalam tempoh yang ditetapkan	i. Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) ii. Pusat Jaminan Kualiti (CQA)	Maklum balas diterima daripada PPUU bertarikh 16/11/2017
OFI-5	4.5.3	Nonconformity, corrective action and preventive action Ujian pensampelan pada takat akhir pelepasan air disistem rawatan kumbahan menunjukkan beberapa parameter melepasi had kawalan yang ditetapkan, walaubagaimanapun tiada tindakan pembedahan dan pencegahan dilakukan. Cth. Lokasi dan tarikh pensampelan (21 July 2016 di Zon B, 6 Jun 2016 di INTROP)	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)	Maklum balas diterima daripada PPPA bertarikh 7/12/2017